

Praktis Pengukuhan 2

Isi tempat kosong dengan kata hubung yang paling sesuai.

jika	dan	kerana	untuk	sambil
lalu	atau	apabila	agar	yang

- 1 Pokok-pokok terung yang ditanam oleh Mak Siti terbantut pertumbuhannya _____ diserang penyakit.
- 2 Beberapa orang peserta _____ mengalami keracunan makanan telah dikejarkan ke hospital.
- 3 "Kami mendoakan _____ nenek awak cepat sembuh," kata Rina dan Mei Lin kepada Fahmi.
- 4 Wartawan hiburan dijemput _____ menyaksikan tayangan perdana filem terbaharu pengarah tersebut.
- 5 Nur dan Aini akan menghadiri majlis perkahwinan Sarah _____ mereka diundang.
- 6 Zahid terkejut _____ disergah oleh pemuda yang tidak dikenali itu.
- 7 Pelancong dari Itali itu melawat ke Menara Kuala Lumpur _____ Menara Berkembar Petronas.
- 8 Rahim mahu melanjutkan pelajarannya sama ada di luar negara _____ di dalam negara.
- 9 Hidayah membaca buku _____ mendengar muzik.
- 10 Adam terjaga daripada tidur _____ keluar mencari ibunya di ruang tamu.

Praktis Pengukuhan 3

Garisi kata hubung yang sesuai dalam ayat-ayat di bawah.

- 1 Suhu di kawasan itu meningkat (supaya, kerana) tiada litupan tumbuh-tumbuhan.
- 2 Kita digalakkan membawa bekas sendiri (apabila, lantas) ingin membungkus makanan.
- 3 Rambut Geetha kelihatan kusut (agar, kerana) dia baru bangun daripada tidur.
- 4 "Saya berharap (agar, kalau) kamu dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan baharu di ibu kota nanti," kata Zuraida kepada Faridah.
- 5 Kami sekeluarga bersiar-siar di pantai (sambil, sementara) melihat pemandangan yang indah nian.
- 6 Perca kain yang bertaburan itu dikumpulkannya (lalu, maka) dimasukkan ke dalam tong sampah.